

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16

Nasib pemilik rumah di laluan ECRL dibela

Nasib pemilik rumah di laluan ECRL dibela

Pelabuhan Klang: Kerajaan negeri akan membela nasib 89 keluarga di Kampung Delek dan Kampung Sungai Sireh, dekat sini, yang dijangka terbabit dengan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata pihaknya juga mengenal pasti 86 lot kubur yang akan terkesan bagi laluan projek berkenaan.

Bagaimanapun, beliau menangkakkan pembinaan laluan di lokasi itu mungkin bermula 2025 dan pihaknya mempunyai masa untuk berbincang dengan pihak yang terbabit.

"Kalau laluan tidak dialih, kita akan bagi rumah sesuai supaya hidup penduduk tidak terganggu. Kerajaan negeri sedaya upaya elakkan laluan ini tetapi tiada jalan lagi.

"Tetapi tak apa, saya pegang janji saya. Kita akan kenal pasti penyelesaian terbaik. Semenara ada masa ini kita juga kenal pasti kawasan perumahan mana yang dibangunkan, yang mana kita boleh ganti tanah, rumah atau beli rumah dengan kos tertentu," katanya ketika berucap pada program Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP) di Pangsapuri Seri Perantau di sini semalam.

Laluan ECRL di Selangor membabitkan jajaran sepanjang 90.72 kilometer dengan melalui daerah Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Klang.

Pembelian vaksin

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai kenyataan Ketua Au-



Amirudin bersama isteri, Datin Seri Masdiana Muhamad melawat gerai jualan jimat sebelum merasmikan program Jelajah Kita Selangor Penyayang di Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang, semalam.

(Foto BERNAMA)

dit Negara Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid bahawa Selangor dan Sabah belum mengembalikan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN). Amirudin menegaskan, Selangor tidak membuat sebarang pinjaman dengan KWAN bagi pembelian vaksin COVID-19.

Katanya, Selangor membuat pembelian vaksin dengan menggunakan dana dari tabung (Tabung Amanah Warisan Ne-

geri) yang dimiliki kerajaan negeri.

"Saya rasa ada khilaf mengenai pembelian vaksin itu. Kiranya RM100 juta kita keluar kan (daripada tabung negeri) dan saya tidak rasa pembelian vaksin itu dibuat menerusi KWAN.

"Kita ada terima wang (peruntukan) daripada MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi) bagi pengurusan templat vaksin untuk kita sediakan

dewan, makanan dan baik pulih beberapa kemudahan tempat untuk PICK (Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan). Ia bukan pinjaman, tetapi pemberian daripada MOSTI.

"Masih ada baki RM41 juta (pemberian MOSTI), kita akan pulangkan kepada Kementerian kewangan sebab itu memang peruntukan yang diberikan kementerian dan kita boleh pulangkan," katanya.